

09/02/1998

Kuala Terengganu akur nasihat presiden

KUALA TERENGGANU, Ahad - Ahli Umno Bahagian Kuala Terengganu akur dengan nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya jawatan ketua dicabar dalam pemilihan kali ini.

Bekas Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Zubir Embong yang sebelum ini disebut akan mencabar ketua bahagian itu, Datuk Abu Bakar Daud, mungkin tidak berbuat demikian.

Jurucakap Pejabat Umno Bahagian Kuala Terengganu berkata, setakat ini jawatan Timbalan Ketua Bahagian, yang disandang Ahli Dewan Undangan Negeri Ladang, Roslan Awang Chik, akan dicabar oleh ahli jawatankuasa bahagian, Abdul Rahman Yusof.

Selain itu, lima calon akan bertanding merebut kerusi Naib Ketua Bahagian iaitu Hamzah Mohd Zain, Mohamad Jusoh, Wan Hisham Wan Salleh, Wan Mohd Albakri Mohd Nor dan Datuk Sulung Mamat.

Sulong akan mempertahankan jawatannya manakala Wan Hisham ialah bekas Ketua Pergerakan Pemuda yang melepaskan jawatan kerana cukup umur.

Sementara itu perlawanan di peringkat Pergerakan Pemuda juga dianggap sengit kerana empat calon akan bertanding merebut jawatan yang dikosongkan oleh Wan Hisham.

(END)